

<input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian
<input type="checkbox"/> Berita Minggu
Tarikh: 15/12/2011
Hari: KHAMIS No: 9
Ruangan: 402411

Cadangan memantapkan pindaan AUKU

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bharian.com.my

KEBEBASAN berpolitik yang diberikan kepada mahasiswa seperti yang dicadangkan dalam pindaan Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 memerlukan batasan dalam memastikan pelaksanaannya kelak memberi kebaikan kepada pembangunan pelajar.

Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Mohamed

Mustapa Ishak, berkata pindaan itu perlu menyediakan garis panduan yang khusus bagi memastikan tidak disalahgunakan oleh pihak tertentu kelak.

"Kita tidak perlu untuk menyekat pelajar berpolitik, tetapi adalah lebih baik jika meletakkan batasan tertentu terutama bagi membendung politik partisan di kampus supaya golongan mahasiswa tidak diguna dan diperalatkan bagi tujuan kepentingan parti," katanya ketika dihubungi.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) berkata, pindaan AUKU itu juga perlu peka terhadap aliran dana luar yang mungkin disalurkan kepada pelajar atau persatuan pelajar kerana bimbang diperolehi daripada parti politik tertentu.

Selain itu, beliau turut mencadangkan supaya garis panduan yang bakal disediakan kelak mengambil kira sama ada pelajar layak untuk mewakili parti politik tertentu dalam pilihan raya.

"Sebagai contoh, jika seseorang mahasiswa dipilih untuk bertanding dalam pilihan raya, adakah beliau terpaksa menanggung pengajiannya bagi memberi tumpuan untuk berkempen?"

"Keadaan ini terjadi apabila keghairahan seseorang penuntut terhadap politik dan sekali gus mengganggu fokus dalam menamatkan pengajian. Perkara ini bukan saja merugikan universiti malah penuntut sendiri," katanya.

Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

“Kita tidak perlu untuk menyekat pelajar berpolitik, tetapi adalah lebih baik jika meletakkan batasan tertentu terutama bagi membendung politik partisan di kampus supaya golongan mahasiswa tidak diguna dan diperalatkan bagi tujuan kepentingan parti”

Prof Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia



Dr Sarjit

(UPM), Dr Sarjit S Gill, berkata langkah kerajaan untuk meminda AUKU seharusnya dipuji kerana komited mengamalkan demokrasi secara telus.

Bagaimanapun, katanya, pindaan AUKU perlu menetapkan had dalam memberi kebebasan secara total kepada mahasiswa agar tidak disalahgunakan golongan itu sekali gus menjejaskan prestasi pengajian masing-masing.

"Pindaan AUKU amat dialu-alukan banyak pihak terutama komuniti mahasiswa dan ahli akademik. Saya menyahut seruan kerajaan ini secara positif untuk memajukan pelan transformasi politik yang ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Had kebebasan berpolitik boleh membantu mahasiswa

berfikir luas namun begitu jika ada garis panduan golongan itu tidak mudah terpengaruh dengan ansir negatif selain menjejaskan pengajian di universiti.

"Mahasiswa wajar untuk bersuara seperti berdebat mengenai isu sosial dan politik kerana mampu membuka minda golongan itu terutama apabila tamat pengajian. Namun seperti yang saya katakan, adalah lebih baik golongan ini mendapat sokongan dan garis panduan yang relevan bagi memastikan golongan itu tidak terpesong dengan tujuan utama pindaan AUKU dilakukan," katanya yang juga Karyawan Tamu di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Beliau berkata, pindaan AUKU mempunyai kebaikan dan kelebihan tersendiri kerana boleh membuka minda masyarakat mengenai suara dan hak mahasiswa dalam menentukan parti pilihan sendiri.

"Pembabitan mahasiswa dalam politik bukan saja memantapkan pemikiran mereka, tetapi membina budaya kepimpinan dan ketrampilan diri secara positif. Mahasiswa adalah ilmuwan muda yang banyak idea baharu dan berfikir kritis serta ingin berbakti kepada masyarakat dan negara.

"Oleh itu, pindaan AUKU amat relevan dalam meningkatkan budaya kepimpinan dalam kalangan komuniti mahasiswa sebagai pelapis kepimpinan negara pada masa depan," katanya.

